

Oleh **Mohamad Hussin**
mahamad_hussin@metro.com.my

Kerjasama bangun m-Naslada

Aplikasi penasihatan mudah alih kepada pekebun lada hitam

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Lembaga Lada Malaysia (MPB) menceraikan memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) bagi meningkatkan kefahaman dan penyelidikan dalam bidang agronomi, bioteknologi serta pembiakhakan lada.

Kerjasama itu turut membangunkan aplikasi penasihatan mudah alih bagi tanaman lada hitam atau m-Naslada kepada pekebun.

Naib Canselor UKM Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali berkata, jaringan kerjasama strategik itu untuk meningkatkan nilai tambah dan kelestarian industri lada bagi memacu MPB sebagai peneraju pasaran lada dunia.

Beliau berkata, hasil kerjasama itu dapat manfaat kepakaran kedua-dua pihak untuk membentuk sinergi bagi pembangunan industri lada hitam.

"Antara bidang kerjasama ialah meningkatkan kefahaman dalam bidang agronomi, bioteknologi dan dan pembiakhakan lada serta menyediakan peluang untuk warga MPB menyumbang pengajian di UKM."

"Menjalankan program latihan khas dalam bidang penjenamaan dan pembangunan pasaran serta membangunkan produk berasaskan ekstrak lada," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mewakili UKM pada majlis MoU dan MoA, manakala MPB diwakili Ketua Pengarahnya Datuk Grunsin Ayom.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah MPB Philip Gaweing dan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UKM Prof Dr Sahrim Ahmad.

Noor Azlan berkata, aplikasi m-Naslada platform alternatif membantu pekebun lada hitam membuat keputusan betul ketika mengendalikan isu pertanian khususnya dalam pengurusan penyakit.

"Aplikasi berkenaan menyediakan maklumat berkaitan lada hitam yang boleh dicapai bila-bila masa melalui telefon pintar."

"Projek penyelidikan ini dilaksanakan untuk membangunkan aplikasi mudah alih bagi memberi nasihat mengenai penyakit tanaman lada hitam berdasarkan nasihat pertanian iaitu kesukaran pekebun yang berada di kawasan pedalaman untuk bertemu pengawal pembangunan pertanian," katanya.



LADANG lada hitam di Sarawak.



NOOR AZLAN (kanan) bertukar-tukar dokumen dengan Grunsin selepas majlis MoA dan MoU.



GRUNSIN dan Noor Azlan menandatangani dokumen.



Menurutnya, UKM sebagai universiti penyelidikan di Malaysia berhasrat memperkayakan khazanah di bidang yang mempunyai kepakaran supaya dapat dimanfaatkan bagi kepentingan pembangunan negara.

"Bagi mencapai matlamat ini, UKM bekerjasama dengan industri dan agensi kerajaan termasuk masyarakat m e l a i u pem-

bahitan berteraskan pengetahuan merentasi penyelidikan, pendidikan dan khidmat," katanya.

Sementara itu, Grunsin berkata, MPB sebuah badan berkanan Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang ditubuhkan mengikut Akta Lembaga Lada Malaysia 2006 pada 1 Januari 2007.

"MPB berperanan membangunkan industri lada dengan menggalakkan penanaman dan penyelidikan lada serta membangunkan matlamat, dasar dan keutamaan negara bagi pembangunan serta pentadbiran industri itu."

"Kami turut menyumbang RM3 juta bagi menjalankan empat projek berkenaan. Kerjasama ini diharap dapat memberi manfaat kepada dua pihak," katanya.

“Antara bidang kerjasama ialah meningkatkan kefahaman dan penyelidikan dalam bidang agronomi, bioteknologi dan dan pembiakhakan lada serta menyediakan peluang untuk warga MPB menyumbang pengajian di UKM”

DR NOOR AZLAN



LADA hitam yang sudah masak sedini untuk dipetik.



PEKERJA ladang menjurus lada hitam yang baru dipetik.